Nama: _____

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pagi-pagi lagi Ben Hock dan ibu bapanya sudah ke kebun yang berhampiran dengan sungai. Setiap hujung minggu, Ben Hock akan membantu ibu bapanya di kebun sayur itu.

Kebun mereka ditanami sayur-sayuran seperti sawi, kangkung, terung dan cili. Sebahagiannya pula ditanami pokok mempelam dan jambu air. Sayur-sayuran dan pokok-pokok yang ditanam oleh ibu bapanya hidup subur dan mengeluarkan hasil yang banyak.

Mereka juga menternak ayam kampung dan itik. Permintaan terhadap ayam kampung dan itik di pasaran amat menggalakkan. Ayah Ben Hock sentiasa memastikan ayam kampung dan itik yang diternak dijaga dengan baik supaya tidak menimbulkan masalah kepada penduduk yang lain.

Setelah penat bekerja, mereka akan berehat di bawah pokok sambil makan bekalan yang disediakan oleh ibunya. Setelah selesai *menjamu selera*, mereka berbual-bual dan saling bergurau.

Kehidupan di rumah pun begitu juga. Mereka saling menyayangi antara satu sama lain. Mereka juga baik dengan jiran tetangga. Ben Hock selalu membantu jiran-jirannya yang memerlukan bantuan.

16. Kebun milik keluarga Ben Hock terletak berhampiran dengan

Jawapan:

A rumah.
B sungai.
C rumah jiran.
D hujung kampung.

17. Mengapakah mereka menternak ayam kampung dan itik?

Jawapan:

A Dagingnya yang sedap
B Kos membuat reban murah
C Permintaan yang menggalakkan
D Risiko mendapat penyakit rendah

18. Bagaimanakah kehidupan keluarga Ben Hock ketika di rumah?

Jawapan:

A Saling bermasam muka
B Tidak mesra dan selalu bergaduh
C Angkuh dan sombong dengan jiran
D Saling menyayangi antara satu sama lain

19. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.

A Mereka pulang pada waktu tengah hari.
B Setiap hari, Ben Hock membantu ibu bapanya di kebun sayur.
C Keluarga Ben Hock menternak ayam kampung dan itik untuk dipasarkan.
D Kebun milik keluarga Ben Hock hanya ditanami sayur-sayuran.

Jawapan:

20. Frasa *menjamu selera* bermaksud

A makan.
B berehat.
C bercerita.
D memasak.

Jawapan:

Soalan 21

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah.

rumah	kampung	sungai	rakit

Hari pertama di _____, Halim sudah mempunyai ramai kawan. Ajib, kawan baharu Halim tinggal di sebelah _____ datuk Halim. Ajib mengajar Halim membuat _____. Ajib menunjukkan cara-cara membuat rakit daripada batang pisang. Mereka bekerjasama untuk menyiapkan rakit itu. Setelah siap, mereka membawa rakit itu ke _____. Halim sangat gembira kerana dapat bermain rakit daripada batang pisang.

Soalan 22

Tuliskan "betul" bagi ayat yang betul dan "salah" bagi ayat yang salah.

(a)

(i) Banyak tempat menarik yang boleh dikunjungi di pulau pinang.	
(ii) Sifat budiman Mohan diwarisi daripada ayahnya.	
(iii) Puan Anne memberikan senyuman yang manis kepada saya.	
(iv) Mereka bermain bola sepak di atas sungai yang baru ditebas.	

[4 *markah*]

(*b*) *Nyatakan* **satu simpulan bahasa** *yang sesuai berdasarkan gambar dan pernyataan di bawah.*

Oleh sebab terlalu lapar, lelaki itu _____

_____

_____

_____

[2 *markah*]

Soalan 23

(*a*) *Tulis* **ayat tanya** *yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan.*

Encik Malik : _____?

Siti : Nenek saya dimasukkan ke hospital kerana demam panas.

[2 markah]